

# Konsortium teknologi kesihatan nasional dibentuk

Bantu memudahkan syarikat tukar hasil penyelidikan  
jadi produk, khidmat kesihatan

SEBUAH Konsortium Teknologi Kesihatan (HealthTEC) kebangsaan akan ditubuhkan bagi membantu dan memudahkan syarikat menukarkan hasil penyelidikan menjadi produk dan perkhidmatan yang dapat meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan individu.

Ini diharap dapat mewujudkan huraian penjagaan kesihatan peribadi yang baru dihasilkan menggunakan sains dan teknologi terkini dari lembaga Yayasan Penyelidikan Nasional (NRF).

Pembiayaan sebanyak \$1.5 juta akan dpe-runtukkan selama tiga tahun bagi menyokong kegiatan konsortium tersebut, kata NRF dalam satu kenyataan semalam.

Diterajui Institut Inovasi Kesihatan dan Teknologi, Universiti Nasional Singapura (NUS iHealthtech), konsortium itu juga akan mengumpul-kan bersama para penyelidik dan syarikat-syarikat agar dapat memanfaatkan teknologi tinggi serta data sedia ada.

Dengan itu, diharapkan “mereka dapat mem-bangun dan menyediakan huraian terhadap kesih-atan dan kesejahteraan yang akan memanfaat-kan warga Singapura,” kata NRF.

Menurutnya, HealthTEC bakal membawa ha-sil penyelidikan dari makmal ke pasaran dengan menyatukan kepakaran saintifik penyelidik dan pengetahuan industri syarikat.

NRF berkata syarikat yang menyertai mere-ka sebagai rakan industri akan diberi akses ter-hadap penyelidikan dan teknologi yang lebih

mendalam dari Institut Pengajian Tinggi (IHL) dan institusi penyelidikan di serata negara, agar dapat menerapkannya dalam pembangunan penyelesaian penjagaan kesihatan yang cang-gih.

Antara teknologi yang dapat dimaanfaatkan termasuk dalam bidang bioelektronik, bahan biomimetik, robotiks dan alat pengesan pintar.

Untuk menggalak lebih banyak interaksi dan memperkukuhkan hubungan antara pakar aka-demik industri ini, beberapa sesi perangkaian, bengkel, perbincangan meja bundar serta simpo-sium saintifik juga akan dianjurkan HealthTEC secara kerap.

Pengarah Eksekutif Pejabat Penyelidikan, Inovasi dan Perusahaan Penyelarasan NRF, En-cik Lim Tuang Liang, berkata:

“Di seluruh dunia, teknologi penjagaan kesi-hatan yang lebih maju sedang berubah bagaima-na kita mencegah, mendiagnosis dan memantau penyakit.

“Konsortium Teknologi Kesihatan baru ini memerlukan perkembangan ini dalam menyatu-kan para penyelidik dan syarikat untuk meng-ubah kajian dan pembangunan (R&D) menjadi sebuah inovasi yang dapat meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan rakyat.

“Kami mengalu-alukan lebih banyak syarikat untuk menyertai konsortium ini supaya dapat meraih manfaat daripada teknologi dan inovasi terkini bagi membantu mereka kekal bersaing dalam industri yang menarik ini.”